

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2017**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara terkini dan usaha-usaha untuk mengurangkan beban hutang negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2016 adalah sebanyak RM648.5 bilion. Daripada jumlah berkenaan, 96.4% atau RM624.8 bilion adalah hutang domestik, sementara 3.6% lagi atau RM23.7 bilion merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal

terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

i. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;

i. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;

i. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam

tempoh jangka masa panjang; dan

- i. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

3. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah tersebut akan membolehkan paras hutang Kerajaan Persekutuan dapat dikawal dan seterusnya dikurangkan menjelang tahun 2020. Pada masa ini, Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana dengan paras hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kekal terurus pada 52.7% pada 31 Disember 2016.